



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 4 MEI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 4 Mei 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **2,334 kes** (387,542 kes kumulatif, 92.1%);
- Kes baharu : **3,120 kes** (420,632 kes kumulatif);
- Kes import : **6 kes** (1 warganegara dan 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **3,114 kes** [2,918 warganegara (93.7%); 196 bukan warganegara (6.3%)];
- Kes aktif : **31,516 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **338 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **181 kes**; dan
- Kes kematian : **23 kes** (1,574 kes kumulatif, 0.37%; 23 warganegara).

Pada hari ini, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi iaitu sebanyak **675 kes (21.6 peratus)**. Daripada jumlah ini, sebanyak **493 kes (73.0 peratus)** adalah daripada kluster-kluster dan saringan kontak rapat kes positif COVID-19 yang aktif dijalankan di lapangan. Ini diikuti oleh Sarawak sebanyak **620 kes (19.9 peratus)** dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak **408 kes (13.1 peratus)**.

Sebanyak **70 kes (2.2 peratus)** yang dilaporkan pula adalah berkaitan kluster di pusat tahanan iaitu Kluster Pagar Sri Lalang (57 kes), Kluster Jalan Meru Utama (11 kes), dan Kluster Pagar Siput Dua (2 kes).

Terdapat 23 kes kematian pada hari ini yang melibatkan masing-masing enam (6) kes di Kelantan dan Selangor, empat (4) kes di Sarawak, masing-masing dua (2) kes di Johor dan Sabah, serta masing-masing satu (1) kes di Kedah, Perak, dan Melaka. Kesemua kes kematian melibatkan warganegara. KKM mengucapkan takziah kepada ahli keluarga mereka.

Perincian penuh jumlah kes mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 1 dan 2**, manakala ringkasan kes kematian mengikut negeri adalah seperti di **Lampiran 3** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

MAKLUMAT TERKINI BERKAITAN KLUSTER-KLUSTER

Berikut adalah maklumat terkini berkaitan kluster-kluster di Malaysia sehingga 4 Mei 2021:

1. Jumlah kluster : **1,706 kluster**;
2. Jumlah kluster baharu : **17 kluster**;
3. Jumlah kluster yang telah tamat : **1,301 kluster** (termasuk **10 kluster** yang tamat pada hari ini iaitu **Kluster Jalan Murni Satu, Kluster Fasa Dua Semarak, Kluster Gong Kulim, Kluster Jalan Gemilang Sukan, Kluster Batu 22, Kluster DTI Juru, Kluster Lintang Bayan Lepas, Kluster Jalan Pelabuhan, Kluster Integrasi Rawang Tiga, dan Kluster Padang Hijau**);
4. Jumlah kluster aktif : **405 kluster**;
5. Jumlah kluster dengan pertambahan kes baharu pada hari ini : **98 kluster**; dan
6. Kluster-kluster dengan pertambahan kes baharu tertinggi pada hari ini adalah **Kluster Pagar Sri Lalang (57 kes), Kluster Putai (49 kes), dan Kluster Pintu Air Relau (33 kes)**.

KLUSTER BAHARU

KKM juga ingin memaklumkan terdapat **17 kluster baharu** yang telah dikenal pasti pada hari ini yang melibatkan tujuh (7) kluster komuniti, lima (5) kluster tempat kerja, empat (4) sektor pendidikan termasuk satu (1) kluster institusi pendidikan KPM, dan satu (1) kluster keagamaan.

Perincian kluster-kluster baharu adalah seperti di **Lampiran 4** yang disertakan bersama kenyataan media ini.

No.	Nama Kluster	Negeri	Kategori Kluster
1	Bungey	Sarawak	Komuniti
2	Batu 25	Sarawak	Komuniti
3	Tangkis Selatan	Johor	Komuniti
4	Jalan Surian	Johor	Komuniti
5	Batu 30	Kelantan	Komuniti
6	Jerai Maju	Kedah	Komuniti
7	Layangan Labuan	WP Labuan	Komuniti
8	Taming Jaya	Selangor	Tempat Kerja
9	Persiaran Medini Sentral	Johor	Tempat Kerja
10	Jalan Kweng Hitam	Kelantan	Tempat Kerja
11	Jalan Yahya 2	WP Kuala Lumpur	Tempat Kerja
12	Jalan Besar Sungai Jawi	Pulau Pinang	Tempat Kerja
13	Dah Kilometer Tujuh	Kedah	Pendidikan Lain
14	Lubuk Katak	Perak	Pendidikan Lain
15	D'Kuala	Sabah	Pendidikan Lain
16	Jalan Ungku Abdul Aziz	Johor	Institusi Pendidikan KPM
17	Taman Sri Lambak	Johor	Keagamaan

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya adalah dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

4 Mei 2021 @ 6.00 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 4 MEI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	675	136,161
SABAH	89	58,461
JOHOR	336 (2)	46,441
WP KUALA LUMPUR	408 (4)	44,777
SARAWAK	620	32,667
PULAU PINANG	167	20,445
NEGERI SEMBILAN	95	19,104
KELANTAN	296	15,371
PERAK	117	15,066
KEDAH	155	10,394
MELAKA	52	7,636
PAHANG	41	5,366
TERENGGANU	53	4,510
WP LABUAN	5	2,468
WP PUTRAJAYA	11	1,397
PERLIS	0	368
JUMLAH KESELURUHAN	3,120 (6)	420,632

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

Perincian 3,120 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 4 Mei 2021 adalah seperti berikut:

- **Selangor: 675 kes**
 - 35 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Taming Jaya**;
 - 458 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 182 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sarawak: 620 kes**
 - 141 kes daripada kluster-kluster, termasuk lima (5) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu 25 dan Kluster Bungey**;
 - 415 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 64 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur: 408 kes**
 - 18 kes daripada kluster-kluster, termasuk 12 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Yahya 2 dan Kluster Layangan Labuan**;
 - 247 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;

- Empat (4) kes import dari luar negara; dan
- 139 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Johor: 336 kes**
 - 150 kes daripada kluster-kluster, termasuk 35 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Ungku Abdul Aziz, Kluster Jalan Surian, Kluster Taman Sri Lambak, Kluster Persiaran Medini Sentral, dan Kluster Tangkis Selatan;**
 - 137 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19;
 - Dua (2) kes import dari luar negara; dan
 - 47 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kelantan: 296 kes**
 - 45 kes daripada kluster-kluster, termasuk dua (2) kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Batu 30 dan Kluster Jalan Kweng Hitam;**
 - 191 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 60 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pulau Pinang: 167 kes**
 - 36 kes daripada kluster-kluster, termasuk 21 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Jalan Besar Sungai Jawi;**

- 55 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- 76 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Kedah: 155 kes**
 - 89 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster-kluster baharu iaitu **Kluster Dah Kilometer Tujuh dan Kluster Jerai Maju**;
 - 45 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 21 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Perak: 117 kes**
 - 47 kes daripada kluster-kluster, termasuk 19 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Lubuk Katak**;
 - 55 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 15 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Negeri Sembilan: 97 kes**
 - 21 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 40 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 34 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Melaka: 95 kes**
 - 20 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 25 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Tujuh (7) daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Sabah: 89 kes**
 - 47 kes daripada kluster-kluster, termasuk 14 kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster D'Kuala**;
 - 30 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - 12 kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Terengganu: 53 kes**
 - 39 kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - Lapan (8) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Enam (6) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Pahang: 41 kes**
 - Lapan (8) kes daripada kluster-kluster sedia ada;
 - 24 kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
 - Sembilan (9) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Putrajaya: 11 kes**

- Dua (2) kes daripada kluster sedia ada;
- Lima (5) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Empat (4) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

- **Wilayah Persekutuan Labuan: Lima (5) kes**

- Tiga (3) kes daripada kluster baharu iaitu **Kluster Layangan Labuan**;
- Satu (1) kes daripada saringan kontak rapat kes positif COVID-19; dan
- Satu (1) kes daripada lain-lain saringan COVID-19.

LAMPIRAN 3

Ringkasan 23 kes kematian pada 4 Mei 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina / (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1552	Sabah	Perempuan (WN)	66	Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi
1553	Sarawak	Lelaki (WN)	53	Hospital Miri	Penyakit darah tinggi
1554	Perak	Lelaki (WN)	54	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit darah tinggi dan jantung
1555	Sarawak	Perempuan (WN)	44	Hospital Sibul	Penyakit darah tinggi, asma, dan jantung
1556	Kelantan	Lelaki (WN)	85	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, buah pinggang kronik , dan gout
1557	Kelantan	Lelaki (WN)	82	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1558	Sarawak	Perempuan (WN)	79	Hospital Bintulu	Obesiti
1559	Kelantan	Perempuan (WN)	64	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1560	Kelantan	Perempuan (WN)	81	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit darah tinggi dan dislipidemia
1561	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	Penyakit kencing manis
1562	Selangor	Lelaki (WN)	47	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan hati
1563	Sarawak	Perempuan (WN)	58	Hospital Bintulu	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia

No. Kematian	Negeri	Jantina / (Warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang
1564	Selangor	Lelaki (WN)	79	Hospital Serdang	Penyakit kencing manis, jantung, dislipidemia, dan buah pinggang kronik
1565	Johor	Lelaki (WN)	72	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1566	Selangor	Lelaki (WN)	69	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan jantung
1567	Selangor	Perempuan (WN)	41	Hospital Serdang	Obesiti
1568	Sabah	Lelaki (WN)	66	Jenazah dibawa ke Hospital Tawau	Penyakit darah tinggi
1569	Johor	Lelaki (WN)	49	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Penyakit darah tinggi
1570	Kelantan	Lelaki (WN)	76	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Penyakit gout
1571	Selangor	Lelaki (WN)	37	Hospital Kajang	Obesiti
1572	Kelantan	Lelaki (WN)	80	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan <i>Parkinson's Disease</i>
1573	Kedah	Lelaki (WN)	73	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Penyakit kencing manis dan darah tinggi
1574	Melaka	Perempuan (WN)	85	Jenazah dibawa ke Hospital Melaka	Penyakit kencing manis, darah tinggi, dan strok

*WN merujuk kepada warganegara.

Perincian 17 kluster baharu yang telah dikenal pasti pada hari ini iaitu:

1. KLUSTER BUNGEY

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Betong di Sarawak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-403839) dilaporkan positif COVID-19 pada 29 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Kampung Bungey, Debak, Betong. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 497 individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

2. KLUSTER BATU 25

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Bintulu dan Sebauh di Sarawak. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 26 April 2021 hasil saringan bersasar komuniti di Batu 25, Jalan Bintulu-Miri, Bintulu. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 199 individu telah disaring, di mana **98 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

3. KLUSTER TANGKIS SELATAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Tangkak, Muar, dan Segamat di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-409838) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan sendiri. Kluster ini melibatkan sebuah aktiviti sosial yang berlangsung dari 21 April 2021 sehingga 24 April 2021 di Gelang Patah, Johor Bahru. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 293 individu telah disaring, di mana **11 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

4. KLUSTER JALAN SURIAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394100) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan pra pembedahan. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Surian 3, Taman Desaru Utama, Kota Tinggi. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 152 individu telah disaring, di mana **lapan (8) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

5. KLUSTER BATU 30

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-367797) dilaporkan positif COVID-19 pada 15 April 2021 hasil saringan individu

bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di Batu 30, Machang. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 306 individu telah disaring, di mana **58 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

6. KLUSTER JERAI MAJU

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Kuala Muda di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-401467) dilaporkan positif COVID-19 pada 28 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Jalan Jerai Maju 5, Taman Jerai Maju, Gurun, Kuala Muda. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 37 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

7. KLUSTER LAYANGAN LABUAN

Kluster komuniti ini melibatkan daerah Labuan di Wilayah Persekutuan Labuan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-420617) dilaporkan positif COVID-19 pada 4 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster merujuk kepada lokaliti di mana penularan kes-kes dilaporkan berlaku iaitu di mukim Layangan, Labuan. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 53

individu telah disaring, di mana **12 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

8. KLUSTER TAMING JAYA

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Hulu Langat di Selangor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 22 April 2021 hasil saringan bersasar pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Taman Taming Jaya, Seri Kembangan, Hulu Langat. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 628 individu telah disaring, di mana **43 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

9. KLUSTER PERSIARAN MEDINI SENTRAL

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Johor Bahru di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-409826) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah syarikat perkhidmatan yang terletak di Persiaran Medini Sentral 1, Bandar Medini Iskandar, Johor Bahru. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 48 individu telah disaring, di mana **sembilan (9) kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

10. KLUSTER JALAN KWENG HITAM

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Machang di Kelantan. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-392532) dilaporkan positif COVID-19 pada 25 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat pentadbiran awam yang terletak berdekatan dengan Jalan Kweng Hitam, Machang. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 39 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

11. KLUSTER JALAN YAHYA 2

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Titiwangsa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-406680) dilaporkan positif COVID-19 pada 30 April 2021 hasil saringan sendiri. Kluster ini melibatkan kakitangan sebuah pusat latihan yang terletak di Jalan Sultan Yahya Petra, Titiwangsa. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 17 individu telah disaring, di mana **14 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

12. KLUSTER JALAN BESAR SUNGAI JAWI

Kluster tempat kerja ini melibatkan daerah Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Selatan di Pulau Pinang. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-407650) dilaporkan positif

COVID-19 pada 30 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pekerja-pekerja sebuah kilang yang terletak di Jalan Besar, Sungai Jawi, Seberang Perai Selatan. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 156 individu telah disaring, di mana **29 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

13. KLUSTER DAH KILOMETER TUJUH

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Baling di Kedah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-411444) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan pra pembedahan. Kluster ini melibatkan kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah pusat pendidikan yang terletak di Kilometer 7, Kampung Tandop, Baling. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 32 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

14. KLUSTER LUBUK KATAK

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Batang Padang di Perak. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-407956) merupakan kes *Severe Acute Respiratoy Infection* (SARI) dan dilaporkan positif COVID-19 pada 30 April 2021. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah institusi pendidikan yang terletak di Kampung Lubuk Katak, Tapah, Batang Padang.

Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 63 individu telah disaring, di mana **24 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

15. KLUSTER D'KUALA

Kluster pendidikan ini melibatkan daerah Papar di Sabah. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-409514) dilaporkan positif COVID-19 pada 1 Mei 2021 hasil saringan individu bergejala. Kluster ini melibatkan pelajar-pelajar sebuah sekolah yang terletak di Jalan Kuala, Papar. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 440 individu telah disaring, di mana **16 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

16. KLUSTER JALAN UNGKU ABDUL AZIZ

Kluster institusi pendidikan KPM ini melibatkan daerah Kota Tinggi di Johor. Kes-kes dalam kluster ini dilaporkan positif COVID-19 bermula pada 3 Mei 2021 hasil saringan bersasar kakitangan dan pelajar-pelajar sebuah institusi pendidikan yang terletak di Jalan Ungku Abdul Aziz, Bandar Penawar, Pengerang, Kota Tinggi. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 175 individu telah disaring, di mana **22 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

17. KLUSTER TAMAN SRI LAMBAK

Kluster keagamaan ini melibatkan daerah Kluang di Johor. Kes indeks bagi kluster ini (iaitu kes ke-394069) dilaporkan positif COVID-19 pada 26 April 2021 hasil saringan individu bergejala. Nama kluster ini merujuk kepada lokaliti kediaman kes indeks yang terletak di Taman Sri Lambak, Kluang. Sehingga 4 Mei 2021, sejumlah 55 individu telah disaring, di mana **13 kes** dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.